

**PERTAMBAHAN KOLEKSI DAN PENGURUSAN RUANG  
SECARA BERKESAN : PENGALAMAN PERPUSTAKAAN UKM**

**Rohaya Umar**

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
roha@ukm.my

**Abu Bakar Maidin**

Perpustakaan Tun Seri Lanang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
abm@ukm.my

**ABSTRAK**

*Pada umumnya, setiap tahun koleksi perpustakaan akan meningkat seiring dengan keperluan rujukan terkini dalam pendidikan dan penyelidikan di Universiti. Pertambahan koleksi akan meningkatkan penggunaan ruang. Ini menyebabkan ruang untuk pelanggan akan berkurangan. Sehubungan itu, ruang yang terdapat di perpustakaan harus diuruskan dengan berkesan agar sentiasa menepati keperluan semasa pelanggan. Kertas ini melihat status terkini berkaitan perkara ini di Perpustakaan IPTA Malaysia. Kertas ini juga secara khusus membentangkan pengalaman dan strategi yang digunakan oleh Perpustakaan UKM dalam menguruskan penggunaan ruang secara berkesan. Antara strategi yang digunakan di Perpustakaan UKM termasuklah pewujudan ruang baca 24 jam dan mewujudkan Koleksi Pilih Simpan.*

**Kata kunci:** *Pengurusan ruang, Perkhidmatan Perpustakaan, Pembangunan Koleksi*